PEJABAT KETUA PENDAFTAR
*Office of the Chief Registrar*
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
*Federal Court of Malaysia*
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8880 3500

Faks : 03-8880 3886

*Laman Web : http://www.kehakiman.gov.my*

*Ruj. Tuan* :

*Ruj. Kami* : (16) dlm. JK/MP 38 Jld. 6

*Tarikh* : 3 Mac 2014

Timbalan Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia

Tuan/Puan,

**ARAHAN AMALAN BIL 1 TAHUN 2014**
**PANDUAN PEMFAILAN DOKUMEN DAN PROSEDUR PERSIDANGAN DALAM PROSIDING RAYUAN SIVIL DAN PERMOHONAN SIVIL DI MAHKAMAH PERSEKUTUAN**

Bagi tujuan penyelarasan dan keberkesanan prosiding rayuan sivil dan permohonan sivil di Mahkamah Persekutuan serta untuk memudahkan rujukan oleh panel hakim Mahkamah Persekutuan, YAA Ketua Hakim Negara mengarahkan yang berikut:

**2. PEMFAILAN DOKUMEN-DOKUMEN**

Dokumen-Dokumen berikut hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan dalam tempoh tidak kurang 14 hari dari tarikh pendengaran kes:

**2.1. IKATAN TERAS BERSAMA/IKATAN TERAS** – selepas ini dirujuk sebagai 'Ikatan Teras'

2.1.1 Definisi

Ikatan Teras bermaksud ikatan-ikatan dokumen yang mengandungi alasan penghakiman dan semua dokumen yang akan dirujuk oleh pihak-pihak semasa pendengaran kes.



*(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)*

2.1.2. Pembahagian

Ikatan Teras hendaklah dibahagikan kepada dua Ikatan iaitu:

(a) Ikatan Penghakiman; dan

(b) Ikatan Dokumen

2.1.3. Pemakaian

Ikatan Teras bertujuan untuk memudahkan perjalanan prosiding di Mahkamah Persekutuan. Justeru pihak-pihak adalah tidak dihalang daripada merujuk kepada mana-mana dokumen lain yang terdapat dalam Rekod Rayuan sekiranya dokumen tersebut tertinggal daripada dimasukkan ke dalam Ikatan Teras.

2.1.4 Penandaan Muka Surat Ikatan Teras

Walaupun setiap muka surat dokumen-dokumen yang dimasukkan ke dalam Ikatan Teras telah dinomborkan semasa penyediaan Rekod Rayuan, dokumen-dokumen berkenaan juga hendaklah dinomborkan di bahagian sudut bawah kanan mengikut turutan.

**2.2. HUJAHAN BERTULIS DAN IKATAN OTORITI**

2.2.1 Hujahan Bertulis hendaklah:

(a) difailkan secara bercetak (*hard copy*);

(b) dihantar melalui e-mel (alamat e-mel akan dimaklumkan semasa pengurusan kes);

(c) disertakan satu Ringkasan Eksekutif jika melebihi 30 muka surat; dan

(d) menggunakan tulisan jenis *Arial* bersaiz 14 dengan jarak 1.5 di antara barisan.

**2.3. WARNA JILID**

Pewarnaan jilid dokumen-dokumen yang dinyatakan di atas hendaklah seperti yang berikut:

| Bil. | Dokumen | Warna Jilid |
|---|---|---|
| 1 | Ikatan Teras | Kuning |
| 2 | Hujahan Bertulis dan Ikatan Otoriti Perayu/Pemohon | Biru |
| 3 | Hujahan Bertulis dan Ikatan Otoriti Responden | Hijau |

### 2.4. JUMLAH SALINAN

Dokumen-Dokumen Ikatan Teras, Hujahan Bertulis dan Ikatan Otoriti hendaklah difailkan dalam enam (6) salinan melainkan terdapat arahan khusus yang diberikan oleh Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

## 3. TEMPOH MASA HUJAHAN LISAN (BAGI PERMOHONAN SIVIL)

Tempoh hujahan lisan bagi setiap pihak adalah terhad kepada **15 minit sahaja**. Sebarang lanjutan masa adalah tertakluk kepada budi bicara Pengerusi Panel.

## 4. PERMULAAN KUAT KUASA DAN PEMBATALAN

4.1 Arahan Amalan ini mula berkuat kuasa serta merta.

4.2 Dengan berkuat kuasanya Arahan Amalan ini, maka Arahan Amalan Bil. 2/2006: Pemfailan *"Core Bundle"* dalam Prosiding Rayuan Sivil di Mahkamah Persekutuan adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(AZIMAH BINTI OMAR)**
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

s.k :

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
No.45, Persiaran Perdana
Presint 4
**62100 PUTRAJAYA**

YAA  Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

YAA  Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

YAA  Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
**SARAWAK**

YA Hakim-Hakim
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

YA Hakim-Hakim
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

Pendaftar Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
**SARAWAK**

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

Pengarah Mahkamah Negeri
**SELURUH MALAYSIA**

Peguam Besar Negeri Sarawak
Tingkat 15 & 16
Wisma Bapa Malaysia
Petra Jaya
93502 Kuching
**SARAWAK**

Peguam Besar Negeri Sabah
Tingkat 8 & 9
Menara Tun Mustapha
Teluk Likas
Beg Berkunci 2054
88990 KOTA KINABALU
**SABAH**

Ketua Bahagian Guaman
Jabatan Peguam Negara
**PUTRAJAYA**

Penasihat Undang-Undang Negeri
Seluruh Malaysia

Pengarah Bahagian Pengurusan
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

Ketua Bahagian Dasar, Latihan dan Perancangan Strategik
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

Hakim Mahkamah Sesyen
**SELURUH MALAYSIA**

Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
**SELURUH MALAYSIA**

Majistret
**SELURUH MALAYSIA**

Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Rendah
**SELURUH MALAYSIA**

Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

Ketua Bahagian e-Kehakiman
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

Pustakawan
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
**PUTRAJAYA**

Presiden
Majlis Peguam Malaysia
13,15 dan 17 Leboh Pasar Besar
**50050 KUALA LUMPUR**

Pengerusi
Persatuan Undang-Undang Sabah
Tingkat 2, 58, Jalan Pantai
Hainan Association Building
88000 Kota Kinabalu
**SABAH**

Pengerusi
Persatuan Peguambela Sarawak
Bilik Peguam, Kompleks Mahkamah Kuching
Jalan Gersik, Petra Jaya
93050 Kuching
**SARAWAK**